Telegram: **"CHIEFMIN KOTA KINABALU"**

JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA

Bil. CMD..510/23/1 Pt.VIII/(300)

06 April, 1995

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun/Kuasa Tempatan/Agensi Kerajaan

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

MENAIKKAN TARAF FAIL-FAIL SULIT KEPADA
PERINGKAT RAHSIA BAGI SEMUA URUSAN KABINET

Sepertimana Datuk/Tuan/Puan sedia maklum bahawa pada masa kini masih ada urusan Kabinet termasuk dokumen-dokumen yang ada hubungkait dengannya dikendalikan dalam fail bertaraf **SULIT,** walhal maklumat yang terkandung dalam dokumen-dokumen berkenaan amat penting dan hanya boleh dilihat oleh pegawai-pegawai yang dibenarkan saja. Pengawalan maklumat diperingkat fail SULIT didapati tidak memadai dan usaha positif untuk meningkatkan tarafnya kepada RAHSIA hendaklah diambil dengan serta-merta. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan dokumen-dokumen berkenaan iaitu ke tangan orang yang tidak bertanggungiawab dan menggunakannya bagi maksud tertentu yang boleh menjejaskan Pentadbiran Kerajaan.

2. Dalam hubungan ini, semua urusan Kabinet yang masih dikendalikan dalam fail-fail **SULIT** dinaikkan tarafnya kepada fail RAHSIA dan disimpan dalam kabinet fail berpalang besi yang berkunci sekiranya tidak terdapat bilik kebal di Kementerian/Jabatan/Agensi Datuk/tuan/puan. Di samping itu, Ketua Jabatan hendaklah menentukan hanya pegawai-pegawai yang dibenarkan saja boleh melihat dokumen-dokumen dalam fail RAHSIA apabila ada maklumat yang perlu diperolehi dari masa ke masa.

Sekian dan harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP & AMANAH"

(DATUK (DATU) KHALIL HAJI JAMALUL, J.P.)
Setiausaha Kerajaan Negeri